

MAJLIS BANDARAYA SHAH ALAM
(BAHAGIAN KORPORAT DAN PERHUBUNGAN AWAM)

AKHBAR : SINAR HARIAN
TARIKH : 16 MEI 2016

Tarik penyertaan luar negara

Endurance Ride 2016 dapat sambutan hangat. Raja Muda Selangor antara 1,500-peserta terlibat.

■ MARLIA ZAKARIA

SHAH ALAM - Seramai 1,500 peserta menyertai Program Kayuhan Shah Alam Enduride (Endurance Ride) 2016 anjuran Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA), semalam.

Malah kayuhan turut disertai Raja Muda Selangor, Tengku Amir Shah yang berkenaan menyempurnakan majlis penyampaian hadiah kepada pemenang.

Datuk Bandar Shah Alam, Datuk Ahmad Zaharin Mohd Saad berkata, program kali ketiga MBSA dengan kerjasama Bike Away itu mempertandingkan dua kategori iaitu Road Race dan Road Bike.

Menurutnya, selain Malaysia pe-

gram berbasikal yang kini menjadi trend masyarakat khususnya belia.

"Program ini, platform MBSA

nyertaan turut diterima dari luar negara seperti Indonesia, Singapura, Thailand, United Kingdom, India, Australia, New Zealand, Jepun, Brunei dan Jerman.

Acara dengan jarak sejauh 120 kilometer ini bermula dan tamat di Dataran Kemerdekaan Shah Alam melalui kawasan pentadbiran Majlis Perbandaran Selayang (MPS), Majlis Daerah Kuala Selangor (MDKS) serta Majlis Perbandaran Klang (MPK).

Peserta yang melengkapkan kayuhan dalam masa ditetapkan menerima sijil dan pingat, malah 10 peserta dengan catatan masa terbaik menerima sijil dan trofi sampingan," katanya.

Dalam pada itu, beliau berkata, MBSA komited melaksanakan pro-

menganjurkan acara berbasikal bertaraf antarabangsa dalam menjadikan Shah Alam bandar raya sukan.

"Malah, usaha ini juga antara promosi produk pelancongan sukan di Shah Alam," katanya.



Raja Muda Selangor berkenaan menyempurnakan majlis penyampaian hadiah kepada pemenang.



Tengku Amir (tengah) bergambar bersama pemenang.

**MAJLIS BANDARAYA SHAH ALAM
(BAHAGIAN KORPORAT DAN PERHUBUNGAN AWAM)**

AKHBAR : SINAR HARIAN
TARIKH : 16 MEI 2016



Peserta tuju menikmati kaji jalan.



Tengku Amir turut menyertai kaji jalan bersama peserta.

MAJLIS BANDARAYA SHAH ALAM
(BAHAGIAN KORPORAT DAN PERHUBUNGAN AWAM)

AKHBAR : SINAR HARIAN
TARIKH : 16 MEI 2016



Antara 1,500 peserta yang menyertai program kayuhan.



Tengku Amir (depan) ketika kayuhan.